

# Empat negeri sedia tambah keluasan tanah pertanian

Berita Harian (15/6/2022) Page 3

**Kuala Lumpur:** Beberapa kerajaan negeri bersedia menambah keluasan tanah pertanian, termasuk memajukan tanah terbiar bagi meningkatkan bekalan makanan negara.

Di **Johor**, kerajaannya mengenal pasti 1,214 hektar tanah untuk diusahakan dengan tanaman bernilai tinggi, bagi menangani krisis bekalan makanan.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, berkata langkah itu akan memastikan bekalan makanan negeri sentiasa terjamin, sekali gus mengelakkan krisis bekalan.

“Saya menggesa supaya kita turut menguasai setiap aktiviti dalam rantaian nilai ekonomi makanan ini bagi menjadikan hasrat ‘dari ladang ke meja makan’ akan menjadi kenyataan,” katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang memutuskan lima langkah diambil bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah itu termasuk meningkatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam usaha menambah kelu-

san tanah bagi kegunaan pertanian untuk mengurangkan bergantung kepada import makanan.

Sementara itu di **Kuala Terengganu**, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk program pembangunan tanah terbiar sebagai projek pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar, Dr Azman Ibrahim, berkata dana itu boleh digunakan untuk tujuan pembersihan tanah dan menyediakan pagar dan sistem perparitan.

“Kita menyasarkan akan membangunkan lebih 100 hektar tanah terbiar setahun.

“Sebanyak 1,000 hektar tanah terbiar sudah dibangunkan kerajaan dengan pelbagai projek pertanian sejak tahun 2008,” katanya.

Di **Georgetown**, kerajaan Pulau Pinang mengenal pasti tanah terbiar yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pertanian, bagi menjamin sekuriti makanan dalam jangka panjang.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin, berkata beliau berhubung dengan Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang untuk semakan maklumat semua tanah terbiar milik kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

“Proses mengenal pasti tanah tidak produktif, antaranya dimiliki FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Jabatan Pertanian, sudah dimulakan.

“Usaha itu turut membabitkan tanah rintis milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan perendirian yang berpotensi dimanfaatkan untuk tujuan berkenaan,” katanya.

Sementara itu di **Seremban**, kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan keluasan tanah untuk melaksanakan projek pengeluaran makanan bagi keperluan orang ramai.

Pengerusi Jawatankuasa Ber-

“Saya menggesa supaya kita turut menguasai setiap aktiviti dalam rantaian nilai ekonomi makanan ini bagi menjadikan hasrat ‘dari ladang ke meja makan’ menjadi kenyataan”

**Onn Hafiz Ghazi,**  
Menteri Besar  
Johor



tindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, berkata kerajaan akan menambah keluasan tanah atau memulihkan tanah terbiar untuk projek penternakan dan pertanian.

“Kerajaan negeri sentiasa proaktif memajukan sektor makanan dan pelbagai projek sudah dan sedang diusahakan bagi menambah pengeluaran makanan untuk rakyat.

“Ia termasuk memulih dan memajukan kolam serta tanah terbiar dengan projek ekonomi,” katanya.